

# UTHM unggul Anugerah MyInovasi 2014

**E**MPAT kumpulan pelajar, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya memonopoli anugerah yang ditawarkan dalam Pertandingan Peringkat Akhir Kemuncak Nasional MyInovasi 2014 yang diadakan di Putrajaya baru-baru ini.

Daripada seramai 1,250 penyertaan, UTHM menjadi universiti kedua teramai terpilih untuk menjadi satu daripada 50 pemenang peringkat zon yang layak ke kemuncak kebangsaan.

Empat kumpulan pelajar terbabit terpilih menerusi empat projek penyelidikan yang diseliasa oleh penyarah masing-masing.

Setiap kumpulan membawa pulang wang sebanyak RM5,000 pada pertandingan peringkat zon bulan Oktober 2014.

Dalam pertandingan kemuncak nasional MyInovasi 2014, projek SMARTS yang diseliasa bersama oleh Dr. Kamarudin Ambak dari Pusat Penyelidikan Pemanduan Pintar (SDRC), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) dan Dr. Mohd Fahrul Hassan dari Kumpulan Penyelidikan Reka Bentuk Kejuruteraan (EDRG), FKMP berjaya menjadi juara keseluruhan dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM50,000.

UTHM juga berjaya memperoleh satu anugerah bantuan paten sebanyak RM10,000 menerusi projek mesin penanggal sisik ikan. Dua lagi meraih saguhati masing-masing sebanyak RM1,500 setiap kumpulan menerusi projek mesin penanggal sisik ikan dan mesin pemisah kulit nipis kelapa.



**MOHD. NOH DALIMIN**

Ini menjadikan jumlah keseluruhan wang tunai yang dimenangi UTHM dalam pertandingan tersebut sebanyak RM83,000.

Menurut Ketua Kumpulan Penyelidikan EDRG, Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor, projek tersebut bermula dengan program *Innovators* yang dibiayai sebahagiannya di bawah Dana Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pendidikan.

“Setiap projek yang dijalankan oleh pelajar haruslah bekerjasama dengan atau melibatkan pihak industri.

“Ini secara tidak langsung akan meningkatkan daya inovasi pelajar melalui penyelesaian masalah sebenar industri sekaligus membantu usaha kerajaan untuk membudayakan inovasi dalam kalangan masyarakat,” ujar beliau.

Projek inovasi tersebut mendapat kerjasama Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Perundingan dan Pengkomersialan (ORICC), UTHM.

Dekan ORICC, Profesor Ayob Johari turut sama hadir mewakili UTHM dalam majlis penyampaian hadiah. ORICC telah menyatakan rasa bangga terhadap pencapaian dan berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menaikkan nama UTHM dalam bidang inovasi.

Mereka yang terbabit terutamanya pelajar dan penyelia serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar yang sentiasa proaktif dalam projek inovasi di UTHM.

Ekosistem yang wujud antara penyelidik, pelajar dan masyarakat harus sentiasa disemai dan dikembangkan agar usaha kerajaan dalam melahirkan masyarakat yang mampu mencipta teknologi menjelang tahun 2020 tercapai.

Sementara itu, menurut Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin ketika ditemui selepas majlis menyatakan rasa gembiranya dengan pencapaian tersebut.

Menurut beliau, pencapaian tersebut adalah selari dengan penilaian QS Rating yang memberi pencapaian lima bintang dalam kategori Inovasi kepada UTHM.

Ini membuktikan bahawa pengiktirafan tersebut benar-benar bertepatan dan bersesuaian dengan usaha UTHM dalam meningkat dan membudayakan inovasi dalam segenap aspek kehidupan masyarakat.

## Fakta

### EMPAT PENYELIDIKAN UTHM

- **Self-lifted Stand For Motorcycle Safety (SMARTS)** - seliaan oleh Dr. Mohd Fahrul Hassan
- **Mesin penanggal sisik ikan** - seliaan Dr. Kamarudin Ambak
- **Mesin pemisah kulit nipis kelapa** - seliaan Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor
- **Penggunaan abu kelapa sawit sebagai pigmen warna cat** - seliaan Dr. Sia Chee Kiong.



**SEBAHAGIAN** pemenang Pertandingan Peringkat Akhir Kemuncak Nasional MyInovasi 2014 yang diadakan di Putrajaya baru-baru ini.